

Tindakan tidak berani

— Mahathir

KUALA LUMPUR 6 Okt. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata tindakan Tengku Razaleigh Hamzah membawa isu pita rakaman yang mengatakan bahawa Semangat 46 hendak 'membunuh' Pas ke mahkamah merupakan satu perbuatan yang tidak berani.

Beliau berkata, jika Tengku Razaleigh benar-benar berani, kenapa tidak serahkan sahaja isu ini kepada rakyat dan biarlah rakyat yang menentukan sama ada ia benar atau tidak.

"Ini soal politik, kalau cara hendak lawan dalam pilihanraya dengan mendakwa saya dalam mahkamah kerana hendak menutup mulut saya bermakna mereka tidak begitu beranilah.

"Kalau nak minta mahkamah tutup mulut saya susahlah sikit," katanya.

Menegaskan demikian dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato' Onn tengah hari ini, Perdana Menteri menambah kata, UMNO tidak mahu menutup mulut pembangkang hanya kerana soal politik.

Ini kerana katanya, jika UMNO atau kerajaan hendak membawa perkara - perkara seperti ini ke mahkamah sudah lama mereka boleh berbuat demikian, tetapi dalam soal - soal politik biarlah rakyat yang menjadi penentu.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi kepada pertanyaan para pemberita mengenai tindakan Presiden Semangat 46 itu menyamannya di Mahkamah Tinggi hari ini berhubung dengan isu pita rakaman tersebut.

Ditanya apakah tindakannya sekarang, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, pihaknya akan menunggu sehingga kes ini dibicarakan di mahkamah kerana "kita hendak tunjukkan bukti sebab - sebab kita berkata yang dia hendak membunuh Pas jika menang pilihanraya nanti."